



PEJABAT HUTAN DAERAH JERANTUT
KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : PHN.PHG. 35/2018 (PHDJ)

Tawaran adalah dipelawa daripada orang ramai yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menjalankan kerja-kerja berikut:

Bekalan/Perkhidmatan Kepala/ Sub-kepala	Tajuk Kerja	Harga Naskah (RM)
Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Pejabat (Kod Bidang 221001)	Sebutharga untuk Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan di Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Batu 1, Jalan Benta 27000 Jerantut bagi tempoh 23 bulan mulai <u>01 Julai 2018</u> hingga <u>31 Mei 2020</u>	Percuma

Penender diwajibkan untuk menghadiri sesi lawatan tapak pada 22 Mei 2018 (Selasa) jam 9.30 pagi sebelum borang sebutharga boleh diambil. Penender dikehendaki berkumpul di Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Batu 1, Jalan Benta 27000 Jerantut pada waktu tersebut dengan menaiki kenderaan sendiri ke lokasi berkenaan. Semasa sesi lawatan tapak Penender diwajibkan membawa salinan asal dokumen-dokumen sepertimana berikut:-

- i. Sijil Kewangan, Kementerian Kewangan Malaysia;
- ii. Lesen daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan
- iii. Sijil Syarikat Malaysia (SSM)

Naskah tawaran boleh diperolehi secara percuma di Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Batu 1, Jalan Benta 27000 Jerantut pada waktu pejabat sebelum tarikh tutup sebutharga ini.

Borang Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis NO. SEBUTHARGA 'PHN.PHG. 35/2018 (PHDJ)' di sudut sebelah kiri bahagian atas sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota 25990 Kuantan, selewat-lewatnya sebelum / pada tarikh tutup 30 Mei 2018 (Rabu) jam 12.00 tengahari.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pejabat Hutan Daerah Jerantut di talian 09-2601031. Pihak Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh Penender untuk mengemukakan tawaran ini.

PEGAWAI HUTAN DAERAH
JERANTUT

Tarikh : 14 Mei 2018